

# Rakyat diminta terus patuh SOP

**Putrajaya:** Kebenaran diberikan kepada pusat pelancongan dan hiburan, aktiviti riadah serta prasekolah beroperasi mulai hari ini, adalah sebahagian pendekatan negara ini dalam pembukaan semula ekonomi secara terkawal dan tersusun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penularan kes COVID-19 dalam komuniti negara ini dilihat terkawal, walaupun kerajaan sudah membenarkan beberapa sektor ekonomi dan beroperasi sepenuhnya sebelum ini.

Katanya, perkembangan positif berkenaan membuktikan 'pemulihhan' negara untuk mengimbangi nyawa rakyat dan mata pencarian sudah bermula dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Pematuhan kepada SOP ini pastinya utama dalam memastikan kes COVID-19 di negara ini terus berkurang, memandangkan lebih banyak subsektor akan dibuka esok (nanti ini).

"Kerjasama orang ramai amat

mutuskan rantaian penularan COVID-19 di Malaysia. "Justeru, kita berharap orang ramai tidak alpa dengan trend penurunan kes COVID-19 di negara ini.

"Sebaliknya, kita perlu lebih berwaspadा serta mematuhi SOP dan mengambil langkah pencegahan pada setiap masa.

"Kerjasama semua pihak adalah amat penting untuk kita sama-sama memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 di negara ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

## Aktiviti dibenarkan mulai 1 Julai



- Prasekolah, TABIKA, TASKA Pusat spa, refleksologi, urut kaki ibadat korban Mesyuarat, seminar, kursus, persidangan
- Pawagam Teater
- Acara langsung Kolam renang awam, persendirian, hotel
- Taman tema, taman tema air
- Mall/sosial, termasuk perkahwinan, akad nikah, pertunangan, tahli, uang tahun, hari lahir

BERITA  
MENGETAHUI  
BERITA  
MENGETAHUI

BERITA  
MENGETAHUI  
BERITA  
MENGETAHUI